



PERBENDAHARAAN MALAYSIA SARAWAK,
TINGKAT 16, BANGUNAN SULTAN ISKANDAR,
JALAN SIMPANG TIGA,
93592 KUCHING.

Telefon : 082-421333 (Pejabat Am)
Fax : 082-424489
E-mail : pms@pmswk.gov.my

Ruj.Kami : PKP(S)124-1/7 Jld.9(30)

Tarikh : 7 November 2008

**Semua Ketua Jabatan Persekutuan,
SARAWAK**

**Semua Ketua Badan Berkanun Persekutuan,
SARAWAK.**

Tuan

**SURAT PEKELILING KONTRAK PERBENDAHARAAN MALAYSIA SARAWAK
BILANGAN 9 TAHUN 2008**

Kontrak Pusat Bagi Pembuatan, Pembekalan dan Penghantaran Roti Bantal, Bun, Kek Dan Kaya Kepada Semua Jabatan Persekutuan (Termasuk Sekolah Kategori 'A', 'B' dan 'C'), Badan Berkanun Persekutuan Dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) Seluruh Negeri Sarawak Bagi Tahun 2008 hingga 2010

1. PERIHAL

- 1.1 Perbendaharaan Malaysia Sarawak telah mewujudkan Kontrak Pusat bagi Pembuatan, Pembekalan dan Penghantaran Roti Bantal, Bun, Kek dan Kaya Kepada Semua Jabatan Persekutuan (Termasuk Sekolah Kategori 'A', 'B' dan 'C'), Badan Berkanun Persekutuan Dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) seluruh Negeri Sarawak bagi tahun 2008 – 2010.

2. BUTIR-BUTIR KONTRAKTOR DAN NOMBOR KONTRAK

- 2.1 Butir-butir mengenai kontraktor, nombor kontrak dan harga kontrak seperti di **Jadual 1**.

3. TEMPOH KONTRAK

- 3.1 Tempoh kontrak ialah selama **dua (2) tahun** berkuatkuasa mulai **15 Oktober 2008 hingga 14 Oktober 2010**.

...2/-

4. HARGA

- 4.1 Harga di bawah kontrak ini adalah harga bersih bagi satu buku/bantal/kontena plastik termasuk semua cukai serta kos pengiriman/ penghantaran ke tempat-tempat yang berkaitan.
- 4.2 Penetapan harga ditentukan mengikut kawasan. Harga dan Kawasan untuk bekalan seperti di **Jadual 1**.

5. PENENTUAN

- 5.1 Pejabat ini akan mengawasi mutu bekalan supaya menepati penentuan-penentuan yang ditetapkan seperti di **Jadual II**

6. TEMPOH PENYERAHAN

- 6.1 Tempoh penyerahan ialah 48 jam dari tarikh pesanan rasmi dikeluarkan .
- 6.2 Jabatan Kerajaan dibenarkan membuat pindaan kepada tempoh penyerahan ini kepada suatu tempoh yang lain tertakluk kepada syarat berikut:-
 - 6.2.1 Persetujuan pindaan ini dibuat secara bertulis oleh Pegawai Kewangan Persekutuan atau wakilnya dengan kontraktor.
 - 6.2.2 Pindaan tersebut dimaklumkan kepada Perbendaharaan Malaysia Sarawak sebelum barang tersebut diserahkan.
 - 6.2.3 Jabatan berkenaan bertanggungjawab sepenuhnya terhadap pesanan yang dibuat di bawah peruntukan ini.
- 6.3 Barang yang diserahkan oleh kontraktor pada masa dan tarikh yang ditetapkan di dalam Borang Pesanan tidak boleh ditolak tanpa arahan secara bertulis daripada pegawai yang membuat pesanan. Jika penolakan dibuat secara '*ad hoc*' tanpa memberitahu terlebih dahulu kepada kontraktor, tindakan boleh diambil terhadap pegawai berkenaan termasuk menanggung segala tuntutan ganti rugi oleh kontraktor berhubung dengan perkara ini. Sebarang penangguhan atau pindaan kepada tarikh penyerahan hendaklah dibuat secara bertulis dan sesalinan notis tersebut dihantar kepada Perbendaharaan Malaysia Sarawak dan Unit yang membuat bayaran di Jabatan-Jabatan berkenaan.

- 6.4 Sekiranya Jabatan pemesan telah mematuhi 8.1 dan 9.4 dan kontraktor gagal membuat bekalan dalam tempoh penyerahan kecuali bagi keperluan segera sahaja, Jabatan-Jabatan Kerajaan boleh membeli dari punca-punca lain. Perkara pembelian tersebut hendaklah dilaporkan dengan serta merta ke Perbendaharaan Malaysia Sarawak dengan menyertakan sekali Pesanan Tempatan dan Invois/bil yang terlibat.
- 6.5 Sebarang pesanan yang tidak dilaksanakan oleh kontraktor mengikut tempoh penyerahan dan pembelian dari punca-punca lain telah dibuat, Jabatan pemesan hendaklah melaporkan dengan segera kepada Perbendaharaan Malaysia Sarawak dengan menyatakan nombor kontrak, nombor pesanan tempatan, tarikh, kuantiti dan nilai pesanan berkenaan. Sekiranya pesanan tersebut telah diterima sila juga nyatakan tarikh penerimaannya.

7. PESANAN MINIMA

- 7.1 Pesanan minima bagi tiap-tiap satu pesanan untuk satu destinasi tidak dihadkan. Walau bagaimanapun, pesanan hendaklah tidak terlalu sedikit yang boleh mendatangkan masalah dan merugikan kepada kontraktor.

8. ANGGARAN KEPERLUAN

- 8.1 **Semua Jabatan pemesan dikehendaki menghantar jadual anggaran serta jangkamasa keperluan bagi tahun berkenaan kepada kontraktor dengan segera untuk memudahkan/membolehkan kontraktor membuat perancangan pembekalan sebagaimana yang dikehendaki . Satu salinan jadual berkenaan hendaklah dipanjangkan kepada Perbendaharaan Malaysia Sarawak.**
- 8.2 **Sekiranya Jabatan pemesan tidak mematuhi arahan pada 8.1 dan 9.4 kontraktor berkenaan tidak boleh dipersalahkan jika berlaku kelewatan bekalan kelak.**

9. PESANAN

- 9.1 Semua pesanan hendaklah dibuat terus kepada kontraktor yang dilantik mengikut kawasan masing-masing dengan mencatatkan nombor kontrak, jenis barang dan kuantiti keperluan. **Pesanan terakhir oleh Jabatan mestilah dibuat tidak lewat dari tiga (3) minggu sebelum tarikh tamat kontrak.**

- 9.2 Keperluan yang terlalu banyak janganlah diminta melalui satu pesanan sahaja tetapi hendaklah dipecah-pecahkan kepada beberapa pesanan. **Pesanan-pesanan itu pula hendaklah dijarakkan tempohnya mengikut jangkamasa yang munasabah.** Ini akan memudahkan kontraktor membuat bekalan dan seterusnya memudahkan Jabatan pemesan membuat bayaran bagi pesanan-pesanan berkenaan.
- 9.3 **Bagi pihak pemesan di kawasan pendalaman, sekiranya keperluan pesanan kecil dinasihatkan supaya membuat satu pesanan untuk keperluan bagi tempoh tiga/empat bulan sekali supaya jumlah bekalan itu memadai dan senang untuk dilaksanakan oleh kontraktor. Pesanan seperti ini hanya boleh dilakukan untuk tempahan item yang boleh disimpan dan mempunyai tarikh luput yang panjang.**
- 9.4 Jabatan pemesan dikehendaki memberi alamat yang lengkap serta nama pegawai dan nombor telefon masing-masing kepada kontraktor supaya pembekalan dapat dijalankan dengan licin dan tepat pada tempat yang dikehendaki.

10. PEMBUNGKUSAN

- 10.1 Semua barang yang dipesan akan dibungkus dengan sempurna bagi melindungi daripada sebarang kerosakan atau kehilangan. Jika terdapat apa-apa kerosakan atau kehilangan yang disebabkan oleh pembungkusan yang tidak sempurna, kontraktor hendaklah diminta mengganti dengan bekalan baru dalam tempoh empat belas (14) hari tanpa apa-apa tambahan kos.

11. PEMERIKSAAN

- 11.1 **Jabatan pemesan hendaklah memeriksa bekalan yang diterima untuk memastikan bahawa jenis dan jumlah yang dibekalkan itu sama seperti yang dipesan. Jika didapati kekurangan, kontraktor hendaklah diminta segera mengganti jumlah yang kurang itu tanpa apa-apa tambahan kos.**
- 11.2 Semua barang yang dibekalkan mestilah berada di dalam keadaan baik. Barang yang didapati rosak atau cacat semasa penerimaan hendaklah ditolak dan kontraktor diminta mengganti dengan bekalan baru tanpa apa-apa tambahan kos. Penolakan ini hendaklah dibuat serta merta dan secara bertulis dan disalinkan kepada Perbendaharaan Malaysia Sarawak.

12. KAWALAN KUALITI

12.1 Jika ada apa-apa keraguan tentang kualiti barang disebabkan kerosakan pembungkusan, Jabatan pemesan hendaklah meminta kontraktor menggantikan barang yang diragui kuantitinya dengan bekalan baru tanpa apa-apa kos tambahan. Penolakan hendaklah dibuat secara bertulis dengan salinan kepada pegawai Kewangan Persekutuan, Perbendaharaan Malaysia Sarawak pada hari penolakan itu dibuat. Kontraktor mestilah menggantikan barang tersebut dalam tempoh dua (2) minggu dari tarikh pemberitahuan dikeluarkan.

13. TEMPOH AKHIR PENGADUAN

13.1 Jabatan pengguna hendaklah mengemukakan apa-apa aduan mengenai kontrak ini dengan serta-merta dan **tidak lewat daripada tiga (3) bulan selepas tarikh tamat kontrak**. Perbendaharaan Malaysia Sarawak tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa masalah yang berbangkit akibat dari kegagalan Jabatan mematuhi arahan ini.

14. PEMBAYARAN BIL

14.1 **Pembayaran terhadap bil-bil yang dikemukakan oleh kontraktor hendaklah dibuat mengikut tatacara yang ditetapkan oleh Akauntan Negara Malaysia.**

14.2 **Pembayaran hendaklah dibuat terus kepada kontraktor ke dalam akaun syarikat seperti nama, nombor akaun dan alamat bank di Jadual 1. Jika terdapat sebarang perubahan hendaklah mendapat kelulusan Perbendaharaan Malaysia Sarawak terlebih dahulu.**

14.3 **Bagi pesanan yang telah disempurnakan oleh kontraktor dengan memuaskan, bil mengenainya hendaklah dijelaskan dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh bil itu diterima.**

14.4 **Walau apapun peraturan atau tatacara penerimaan barang-barang yang diamalkan oleh sesuatu Jabatan, Pengesahan penerimaan barang-barang mestilah dibuat dengan segera pada hari bekalan disempurnakan untuk membolehkan kontraktor mengemukakan bil pembayaran dengan seberapa segera. Jabatan tidak perlu menunggu laporan ujian Jabatan Penguji untuk membuat bayaran.**

15. PENGGUNAAN KONTRAK

- 15.1 Semua Kementerian, Jabatan dan Badan Berkanun dan Agensi-Agensi yang berkenaan di bawah kelolaan masing-masing hendaklah menggunakan kontrak ini sahaja dan tidak dibenarkan membeli dari punca lain tanpa kebenaran Pegawai Kewangan Persekutuan, Perbendaharaan Malaysia Sarawak.**
- 15.2 Penentuan dalam kontrak ini adalah penentuan gunasama pelbagai Jabatan. Sekiranya penentuan itu tidak sesuai dengan keperluan Jabatan Pengguna, sila kemukakan penentuan yang diperlukan, dengan menyatakan perbezaan dari penentuan kontrak ini serta justifikasi mengapa perbezaan itu perlu.
- 15.3 Perbendaharaan Malaysia Sarawak seterusnya akan menimbangankan pengecualian daripada menggunakan Kontrak Pusat dan perolehan melalui aturcara lain.

16. HAL-HAL LAIN

- 16.1 Jika terdapat sebarang kemusykilan mengenai kontrak ini, Jabatan Pengguna dinasihatkan menghubungi Perbendaharaan Malaysia Sarawak seperti di alamat di atas atau melalui telefon no. 082-421333.

**(i) Cik Mimi Mazrah Bt. Majidi
Sambungan – 243; atau**

**(ii) Puan Bayah ak. Chua
Sambungan - 250**

Sekian, terima kasih.

' SENTIASA MESRA, TELITI DAN CEPAT '

' BERKHIDMAT UNTUK NEGARA '

Saya yang menurut perintah,



(MAT OMAR BIN JOHARI)

Pegawai Kewangan Persekutuan Sarawak,
Perbendaharaan Malaysia Sarawak.

**HARGA BERSIH BAGI ROTI (PUTIH/BIJIRIN PENUH/'BURGER'/'HOTDOG'/BUN)/KEK/MINI PIZZA/
DONUT & SERI KAYA MENGIKUT KAWASAN**

Bil	Nama, Alamat, No. Kontrak Dan No. Telefon Kontraktor	Nama, Alamat Dan No. Akaun Bank	Kawasan	Item	Jabatan/ Agensi/ Sekolah Kategori A (RM)	Sekolah Kategori B (RM)	Sekolah Kategori C (RM)
1.	Bumi Makmur Enterprise Industrial Building, Lot 1640, Blok 3, Simanggang Town District, Peti Surat 356, 95000 Sri Aman. Tel.: 083-323293 Fax : 083-323293 No. Kontrak: PMS/124/kont/2008-25 dan	CIMB Bank Berhad 422, Jalan Hospital, 95000 Sri Aman, Sarawak. No. Akaun: 1110-0000021-05-2	Sri Aman	Roti Putih (350 gm)	2.70	2.70	2.80
				Roti Bijirin Penuh (400 gm)	3.90	4.00	4.00
				Roti Burger Kosong (60 gm)	0.55	0.55	0.55
				Roti Hotdog Kosong (60 gm)	0.55	0.55	0.55
				Roti Bun (50-55 gm)	1.70	1.75	1.75
				Kek (50 gm)	1.00	1.05	1.05
				Kek (65 gm)	1.20	1.25	1.25
				Mini Pizza Bersayur (68 gm)	2.10	2.20	2.20
2.	Pertama Bakery Lot 1445, Block 3, Jalan Pasir Panas, STD, 95000 Sri Aman. Tel.: 083-320327 Fax : 083-326517 No. Kontrak: PMS/124/KONT/2008-26	CIMB Bank, Bandar Sri Aman, 422, Jalan Hospital 95000 Sri Aman, Sarawak. No. Akaun: 1110-0001245-058	Sri Aman	Donut (64 gm)	1.00	1.10	1.10
				Seri Kaya (480gm)	5.00	5.00	5.00

Bil	Nama, Alamat, No. Kontrak Dan No. Telefon Kontraktor	Nama, Alamat Dan No. Akaun Bank	Kawasan	Item	Jabatan/ Agensi/ Sekolah Kategori A (RM)	Sekolah Kategori B (RM)	Sekolah Kategori C (RM)
3.	Syarikat Perusahaan Roti Kapit 63, Lot 173, Tingkat 1, Jalan Tiong Ung Hong, 96800 Kapit. Tel.: 084-796199 Fax : 084-797661 No. Kontrak: PMS/124/KONT/2008-30	EON Bank Berhad Lot 122, Jalan Yong Mui Chai P.O. Box 15 96807 KAPIT. No. Akaun: 0005100013893	Kapit (Belaga/Song)	Roti Putih (350 gm)	2.85	2.90	2.95
				Roti Bijirin Penuh (400 gm)	4.20	4.30	4.40
				Roti Burger Kosong (60 gm)	0.70	0.75	0.75
				Roti Hotdog Kosong (60 gm)	0.70	0.75	0.75
				Roti Bun (50-55 gm)	1.85	1.90	2.00
				Kek (50 gm)	1.00	1.05	1.10
				Kek (65 gm)	1.10	1.20	1.25
				Mini Pizza Bersayur (68 gm)	2.30	2.40	2.50
				Donut (64 gm)	1.20	1.30	1.40
				Seri Kaya (480gm)	5.00	5.00	5.00

Bil	Nama, Alamat, No. Kontrak Dan No. Telefon Kontraktor	Nama, Alamat Dan No. Akaun Bank	Kawasan	Item	Jabatan/ Agensi/ Sekolah Kategori A (RM)	Sekolah Kategori B (RM)	Sekolah Kategori C (RM)
4.	Syarikat Usaha Bakti Lot 335, Marudi Main Bazaar, Peti Surat 199, 98050 Marudi Baram. Tel.: 085-756849 Fax : 085-756849 No. Kontrak: PMS/124/KONT/2008-32	Public Bank Berhad, No.59-60, Jalan Kapitan Ching Kiat Marudi 98050 Baram. No. Akaun: 3114031621	Baram/Marudi	Roti Putih (350 gm)	2.80	2.90	2.90
				Roti Bijirin Penuh (400 gm)	4.00	4.20	4.40
				Roti Burger Kosong (60 gm)	0.60	0.70	0.70
				Roti Hotdog Kosong (60 gm)	0.60	0.70	0.70
				Roti Bun (50-55 gm)	1.90	1.95	1.95
				Kek (50 gm)	1.10	1.20	1.20
				Kek (65 gm)	1.30	1.40	1.40
				Mini Pizza Bersayur (68 gm)	2.20	2.30	2.30
				Donut (64 gm)	1.00	1.20	1.20
				Seri Kaya (480gm)	5.50	5.50	5.50

Bil	Nama, Alamat, No. Kontrak Dan No. Telefon Kontraktor	Nama, Alamat Dan No. Akaun Bank	Kawasan	Item	Jabatan/ Agensi/ Sekolah Kategori A (RM)	Sekolah Kategori B (RM)	Sekolah Kategori C (RM)
5.	Dayana Bakery, No.25, Jalan Punai, 3 rd KM Off Repok Road, Lucky Industrial Estate, 96100 SARIKEI. Tel.: 084-653115 Fax : 084-658366 No. Kontrak: PMS/124/KONT/2008-27	Public Bank Berhad, No.51-52, Jalan Masjid 96100 SARIKEI, No. Akaun: 3114381821	Sarikei	Roti Putih (350 gm)	2.80	2.80	2.95
				Roti Bijirin Penuh (400 gm)	4.00	4.00	4.30
				Roti Burger Kosong (60 gm)	0.60	0.60	0.65
				Roti Hotdog Kosong (60 gm)	0.60	0.60	0.65
				Roti Bun (50-55 gm)	1.80	1.80	1.90
				Kek (50 gm)	0.95	0.95	1.00
				Kek (65 gm)	1.00	1.00	1.10
				Mini Pizza Bersayur (68 gm)	2.20	2.20	2.40
				Donut (64 gm)	1.00	1.10	1.15
				Seri Kaya (480gm)	5.00	5.00	5.00

Bil	Nama, Alamat, No. Kontrak Dan No. Telefon Kontraktor	Nama, Alamat Dan No. Akaun Bank	Kawasan	Item	Jabatan/ Agensi/ Sekolah Kategori A (RM)	Sekolah Kategori B (RM)	Sekolah Kategori C (RM)
6a.	Umami Bakery Lot 2943, Jln. Kpg. Datuk Baru 96000 Sibu. Tel.: 084-348004 Fax : 084-341005 No. Kontrak: PMS/124/KONT/2008-29	Am Bank Berhad, Jalan Tuanku Osman 96000 SIBU. No. Akaun: 012-201-1004444-2	Sibu	Roti Putih (350 gm)	2.80	2.80	2.95
				Roti Bijirin Penuh (400 gm)	4.00	4.00	4.30
				Roti Burger Kosong (60 gm)	0.60	0.60	0.65
				Roti Hotdog Kosong (60 gm)	0.60	0.60	0.65
				Roti Bun (50-55 gm)	1.80	1.80	1.90
				Kek (50 gm)	0.95	0.95	0.95
				Kek (65 gm)	1.00	1.00	1.00
				Mini Pizza Bersayur (68 gm)	2.20	2.20	2.40
				Donut (64 gm)	1.00	1.10	1.15
				Seri Kaya (480gm)	5.00	5.00	5.00

Bil	Nama, Alamat, No. Kontrak Dan No. Telefon Kontraktor	Nama, Alamat Dan No. Akaun Bank	Kawasan	Item	Jabatan/ Agensi/ Sekolah Kategori A (RM)	Sekolah Kategori B (RM)	Sekolah Kategori C (RM)
6b.	Umami Bakery Lot 2943, Jln. Kpg. Datuk Baru 96000 Sibu. Tel.: 084-348004 Fax : 084-341005 No. Kontrak: PMS/124/KONT/2008-29	Am Bank Berhad, Jalan Tuanku Osman 96000 SIBU. No. Akaun: 012-201-1004444-2	Mukah	Roti Putih (350 gm)	2.85	2.90	2.95
				Roti Bijirin Penuh (400 gm)	4.30	4.30	4.40
				Roti Burger Kosong (60 gm)	0.65	0.65	0.70
				Roti Hotdog Kosong (60 gm)	0.65	0.65	0.70
				Roti Bun (50-55 gm)	1.90	1.90	2.00
				Kek (50 gm)	1.00	1.00	1.10
				Kek (65 gm)	1.10	1.10	1.20
				Mini Pizza Bersayur (68 gm)	2.40	2.40	2.60
				Donut (64 gm)	1.10	1.10	1.20
				Seri Kaya (480gm)	5.00	5.00	5.00

SPEKIFIKASI UNTUK MEMBEKAL DAN MENGHANTAR ROTI (PUTIH/BIJIRIN PENUH/ 'BURGER'/'HOTDOG'/BUN)/KEK/MINI PIZZA/DONUT DAN SERI KAYA

1. SPEKIFIKASI AM

Kontraktor hendaklah menyedari tentang perundangan berikut dan mengambil semua langkah yang perlu bagi memastikan pematuhan:

1. Peraturan Makanan 1985 [Food Regulations 1985]
2. Memiliki **Sijil Halal** daripada JAKIM dan mematuhi **Standard Malaysia MS1500:2004**
3. Akta Makanan 1983
4. Peraturan Kesihatan Am [Public Health Requirements] yang berkuatkuasa

2. SPEKIFIKASI UNTUK ROTI PUTIH [WHITE BREAD] DAN ROTI BIJIRIN PENUH [WHOLEMEAL BREAD]

- 2.1 Roti hendaklah mempunyai kandungan bahan-bahan yang dibenarkan mengikut Akta Makanan 1983 dan Peraturan Makanan 1985; bahan-bahan dinyatakan seperti di bawah:
 - Tepung gandum/ Tepung Gandum Bijirin [wheat flour/ wholemeal wheat flour complying with MS 8.5:1973];
 - Baker's Yeast;
 - Garam [edible common salt];
 - Lemak Sayuran [vegetable fat];
 - Gula;
 - Tepung Susu [sekiranya perlu];
 - Serta bahan-bahan lain [yang dibenarkan di bawah Peraturan Makanan 1985]
- 2.2 Roti Bantal dan Roti Bijirin Penuh hendaklah dibekalkan di dalam berat bersih 350gm dan 400 gm, masing-masingnya.
- 2.3 Roti hendaklah diterima berdasarkan berat dan bukan jumlah potongan roti.
- 2.4 Roti hendaklah disediakan, dibakar dan dibungkus mengikut kaedah dan peralatan yang sesuai, mematuhi Standard Malaysia MS1500:2004 dan Peraturan Kesihatan Am yang sedang berkuatkuasa.
- 2.5 Roti yang dibekalkan hendaklah roti yang baru dan dibekalkan dalam tempoh 24 jam selepas dibakar.
- 2.6 Roti mestilah telah sedia dipotong sebelum dihantar.
- 2.7 Pembungkusan
 - 2.7.1 Roti mestilah dibungkus dengan cara dan bahan yang bersesuaian untuk mengelakkan roti daripada rosak dan mengekalkan mutu roti.
 - 2.7.2 Bungkusan hendaklah tertera perkataan '**HAK KERAJAAN MALAYSIA**' beserta Nama dan Alamat Kontraktor, Jenama [sekiranya ada], No. Rujukan Kontrak dan Berat Bersih Minimum.

2.7.3 Kertas pembungkus mestilah diletakkan tarikh luput Roti serta mana-mana label bahan seperti yang digunakan seperti dinyatakan di bawah Peraturan Makanan 1985.

2.8 Penghantaran

Roti hendaklah dibekalkan dan dihantar terus daripada kontraktor kepada Agensi Pengguna dalam keadaan yang baik dan tidak tercemar.

3. SPESIFIKASI UNTUK ROTI 'BURGER' KOSONG

3.1 Roti hendaklah mempunyai kandungan bahan-bahan yang dibenarkan mengikut Akta Makanan 1983 dan Peraturan Makanan 1985; bahan-bahan dinyatakan seperti di bawah:

- Tepung gandum [wheat flour complying with MS 8.5:1973];
- Baker's Yeast;
- Garam [edible common salt];
- Lemak Sayuran [vegetable fat];
- Gula;
- Serta bahan-bahan lain [yang dibenarkan di bawah Peraturan Makanan 1985]

3.2 Roti hendaklah dibekalkan di dalam berat bersih 60gm.

3.3 Roti hendaklah diterima berdasarkan berat dan bukan jumlah roti.

3.4 Roti hendaklah disediakan, dibakar dan dibungkus mengikut kaedah dan peralatan yang sesuai, mematuhi Standard Malaysia MS1500:2004 dan Peraturan Kesihatan Am yang sedang berkuatkuasa.

3.5 Roti yang dibekalkan hendaklah roti yang baru dan dibekalkan dalam tempoh 24 jam selepas dibakar.

3.6 Pembungkusan

3.6.1 Roti mestilah dibungkus dengan cara dan bahan yang bersesuaian untuk mengelakkan roti daripada rosak dan mengekalkan mutu roti.

3.6.2 Bungkus hendaklah tertera perkataan '**HAK KERAJAAN MALAYSIA**' beserta Nama dan Alamat Kontraktor, Jenama [sekiranya ada], No. Rujukan Kontrak dan Berat Bersih Minimum.

3.6.3 Kertas pembungkus mestilah diletakkan tarikh luput Roti serta mana-mana label yang diperlukan seperti dinyatakan di bawah Peraturan Makanan 1985.

3.7 Penghantaran

Roti hendaklah dibekalkan dan dihantar terus daripada kontraktor kepada Agensi Pengguna dalam keadaan yang baik dan tidak tercemar.

4. SPESIFIKASI UNTUK ROTI 'HOTDOG' KOSONG

- 4.1 Roti hendaklah mempunyai kandungan bahan-bahan yang dibenarkan mengikut Akta Makanan 1983 dan Peraturan Makanan 1985; bahan-bahan dinyatakan seperti di bawah:
- Tepung gandum [wheat flour complying with MS 8.5:1973];
 - Baker's Yeast;
 - Garam [edible common salt];
 - Lemak Sayuran [vegetable fat];
 - Gula;
 - Serta bahan-bahan lain [yang dibenarkan di bawah Peraturan Makanan 1985]
- 4.2 Roti hendaklah dibekalkan di dalam berat bersih 60 gm.
- 4.3 Roti hendaklah diterima berdasarkan berat dan bukan jumlah roti.
- 4.4 Roti hendaklah disediakan, dibakar dan dibungkus mengikut kaedah dan peralatan yang sesuai, mematuhi Standard Malaysia MS1500:2004 dan Peraturan Kesihatan Am yang sedang berkuatkuasa.
- 4.5 Roti yang dibekalkan hendaklah roti yang baru dan dibekalkan dalam tempoh 24 jam selepas dibakar.
- 4.6 Pembungkusan
- 4.6.1 Roti mestilah dibungkus dengan cara dan bahan yang bersesuaian untuk mengelakkan roti daripada rosak dan mengekalkan mutu roti.
 - 4.6.2 Bungkusan hendaklah tertera perkataan '**HAK KERAJAAN MALAYSIA**' beserta Nama dan Alamat Kontraktor, Jenama [sekiranya ada], No. Rujukan Kontrak dan Berat Bersih Minimum.
 - 4.6.3 Kertas pembungkus mestilah diletakkan tarikh luput Roti serta mana-mana label yang diperlukan seperti dinyatakan di bawah Peraturan Makanan 1985.
- 4.7 Penghantaran
- Roti hendaklah dibekalkan dan dihantar terus daripada kontraktor kepada Agensi Pengguna dalam keadaan yang baik dan tidak tercemar.

5. SPESIFIKASI UNTUK ROTI BUN

- 5.1 Roti hendaklah mempunyai kandungan bahan-bahan yang dibenarkan mengikut Akta Makanan 1983 dan Peraturan Makanan 1985; bahan-bahan dinyatakan seperti di bawah:
- Tepung gandum [wheat flour complying with MS 8.5:1973];
 - Baker's Yeast;
 - Garam [edible common salt];
 - Lemak Sayuran [vegetable fat];
 - Gula;
 - Tepung Susu [sekiranya perlu];
 - Serta bahan-bahan lain [yang dibenarkan di bawah Peraturan Makanan 1985]

5.2 Roti Bun hendaklah dibekalkan di dalam berat bersih 50-55 gm.

5.3 Roti Bun hendaklah diterima berdasarkan berat dan bukan jumlah bun.

5.4 Roti Bun hendaklah disediakan, dibakar dan dibungkus mengikut kaedah dan peralatan yang sesuai, mematuhi Standard Malaysia MS1500:2004 dan Peraturan Kesihatan Am yang sedang berkuatkuasa.

5.5 Roti Bun yang dibekalkan hendaklah roti yang baru dan dibekalkan dalam tempoh 24 jam selepas dibakar.

5.6 Inti Roti Bun hendaklah terdiri daripada:
Kacang Merah/ Kelapa/ Ikan Bilis/ Sardin

Inti hendaklah disediakan daripada bahan yang bermutu, segar dan bersih untuk menjamin keseluruhan mutu Roti Bun.

5.7 Pembungkusan

5.7.1 Roti Bun mestilah dibungkus dengan cara dan bahan yang bersesuaian untuk mengelakkan roti daripada rosak dan mengekalkan mutu roti.

5.7.2 Bungkusan hendaklah tertera perkataan '**HAK KERAJAAN MALAYSIA**' beserta Nama dan Alamat Kontraktor, Jenama [sekiranya ada], No. Rujukan Kontrak dan Berat Bersih Minimum.

5.7.3 Kertas pembungkus mestilah diletakkan tarikh luput Roti Bun serta mana-mana label yang diperlukan seperti dinyatakan di bawah Peraturan Makanan 1985.

5.8 Penghantaran

Roti Bun hendaklah dibekalkan dan dihantar terus daripada kontraktor kepada Agensi Pengguna dalam keadaan yang baik dan tidak tercemar.

6. SPESIFIKASI UNTUK KEK [50GM]

- 6.1 Kek hendaklah mempunyai kandungan bahan-bahan yang dibenarkan mengikut Akta Makanan 1983 dan Peraturan Makanan 1985; bahan-bahan dinyatakan seperti di bawah:
- Tepung gandum [wheat flour complying with MS 8.5:1973];
 - Baking powder;
 - Margarine;
 - Gula;
 - Telur;
 - Tepung Susu
 - Serta bahan-bahan lain [yang dibenarkan di bawah Peraturan Makanan 1985]
- 6.2 Kek hendaklah dibekalkan di dalam berat bersih 50gm setiap potongan.
- 6.3 Kek hendaklah diterima berdasarkan berat dan bukan jumlah potongan kek.
- 6.4 Kek hendaklah disediakan, dibakar dan dibungkus mengikut kaedah dan peralatan yang sesuai, mematuhi Standard Malaysia MS1500:2004 dan Peraturan Kesihatan Am yang sedang berkuatkuasa.
- 6.5 Kek yang dibekalkan hendaklah kek yang bermutu dan segar.
- 6.6 Pembungkusan
- 6.6.1 Kek mestilah dibungkus dengan cara dan bahan yang bersesuaian untuk mengelakkan kek daripada rosak dan mengekalkan mutu kek.
 - 6.6.2 Bungkus hendaklah tertera perkataan '**HAK KERAJAAN MALAYSIA**' beserta Nama dan Alamat Kontraktor, Jenama [sekiranya ada], No. Rujukan Kontrak dan Berat Bersih Minimum.
 - 6.6.3 Kertas pembungkus mestilah diletakkan tarikh luput Kek serta mana-mana label yang diperlukan seperti dinyatakan di bawah Peraturan Makanan 1985.
- 6.7 Penghantaran
- Kek yang dibekalkan dan dihantar hendaklah kek yang baru dan dibekalkan dalam tempoh 24 jam selepas dibakar.
- Kek hendaklah dibekalkan dan dihantar terus daripada kontraktor kepada Agensi Pengguna dalam keadaan yang baik dan tidak tercemar.

7. SPESIFIKASI UNTUK KEK [65GM]

- 7.1 Kek hendaklah mempunyai kandungan bahan-bahan yang dibenarkan mengikut Akta Makanan 1983 dan Peraturan Makanan 1985; bahan-bahan dinyatakan seperti di bawah:
- Tepung gandum [wheat flour complying with MS 8.5:1973];
 - Baking powder;
 - Margarine;
 - Gula;
 - Telur;
 - Tepung Susu
 - Serta bahan-bahan lain [yang dibenarkan di bawah Peraturan Makanan 1985]
- 7.2 Kek hendaklah dibekalkan di dalam berat bersih 65gm.
- 7.3 Kek hendaklah diterima berdasarkan berat dan bukan jumlah potongan kek.
- 7.4 Kek hendaklah disediakan, dibakar dan dibungkus mengikut kaedah dan peralatan yang sesuai, mematuhi Standard Malaysia MS1500:2004 dan Peraturan Kesihatan Am yang sedang berkuatkuasa.
- 7.5 Kek yang dibekalkan hendaklah kek yang bermutu dan segar.
- 7.6 Pembungkusan
- 7.6.1 Kek mestilah dibungkus dengan cara dan bahan yang bersesuaian untuk mengelakkan kek daripada rosak dan mengekalkan mutu kek.
 - 7.6.2 Bungkusan hendaklah tertera perkataan '**HAK KERAJAAN MALAYSIA**' beserta Nama dan Alamat Kontraktor, Jenama [sekiranya ada], No. Rujukan Kontrak dan Berat Bersih Minimum
 - 7.6.3 Kertas pembungkus mestilah diletakkan tarikh luput Kek serta mana-mana label yang diperlukan seperti dinyatakan di bawah Peraturan Makanan 1985.
- 7.7 Penghantaran
- Kek yang dibekalkan dan dihantar hendaklah kek yang baru dan dibekalkan dalam tempoh 24 jam selepas dibakar.
- Kek hendaklah dibekalkan dan dihantar terus daripada kontraktor kepada Agensi Pengguna dalam keadaan yang baik dan tidak tercemar.

8. SPESIFIKASI UNTUK SERI KAYA

- 8.1 Seri Kaya hendaklah mempunyai kandungan bahan-bahan yang dibenarkan mengikut Akta Makanan 1983 dan Peraturan Makanan 1985; bahan-bahan dinyatakan seperti di bawah:
- Telur;
 - Gula
 - Santan
 - Seri Kaya hendaklah mengandungi tidak kurang daripada
 - 45% 'w/w of total solids'; dan
 - 2% 'w/w protein
 - Serta bahan-bahan lain [yang dibenarkan di bawah Peraturan Makanan 1985]
- 8.2 Seri Kaya hendaklah dibekalkan di dalam berat bersih 480gm.
- 8.3 Seri Kaya hendaklah diterima berdasarkan berat dan bukan jumlah Seri Kaya.
- 8.4 Seri Kaya hendaklah disediakan dan dibungkus mengikut kaedah dan peralatan yang sesuai, mematuhi Standard Malaysia MS1500:2004 dan Peraturan Kesihatan Am yang sedang berkuatkuasa.
- 8.5 Seri Kaya yang dibekalkan hendaklah daripada bahan-bahan yang bermutu dan segar.
- 8.6 Pembungkusan
- 8.6.1 Seri Kaya mestilah dibekalkan dalam tin mengikut Peraturan Makanan 1985
 - 8.6.2 Bekas Pembungkus Seri Kaya mestilah diletakkan tarikh luput Seri Kaya serta mana-mana label yang diperlukan seperti dinyatakan di bawah Peraturan Makanan 1985.
- 8.7 Penghantaran
- Seri Kaya hendaklah dibekalkan dan dihantar terus daripada kontraktor kepada Agensi Pengguna dalam keadaan yang baik dan tidak tercemar.

9. SPESIFIKASI UNTUK MINI PIZZA BERSAYUR

- 9.1 Mini Pizza hendaklah mempunyai kandungan bahan-bahan yang dibenarkan mengikut Akta Makanan 1983 dan Peraturan Makanan 1985; bahan-bahan dinyatakan seperti di bawah:
- Tepung gandum [wheat flour complying with MS 8.5:1973];
 - 'Baker's Yeast'
 - Margarine;
 - Gula;
 - Garam;
 - Telur;
 - Tepung Susu;
 - Keju;
 - Mayonis;
 - Sayuran campuran;
 - Serta bahan-bahan lain [yang dibenarkan di bawah Peraturan Makanan 1985]
- 9.2 Mini Pizza hendaklah dibekalkan di dalam berat bersih 68gm.
- 9.3 Mini Pizza hendaklah diterima berdasarkan berat dan bukan jumlah potongan pizza.
- 9.4 Mini Pizza hendaklah disediakan, dibakar dan dibungkus mengikut kaedah dan peralatan yang sesuai, mematuhi Standard Malaysia MS1500:2004 dan Peraturan Kesihatan Am yang sedang berkuatkuasa.
- 9.5 Mini Pizza yang dibekalkan hendaklah pizza yang bermutu dan segar.
- 9.6 Pembungkusan
- 9.6.1 Mini Pizza mestilah dibungkus dengan cara dan bahan yang bersesuaian untuk mengelakkan pizza daripada rosak dan mengekalkan mutunya.
- 9.6.2 Bungkusan hendaklah tertera perkataan '**HAK KERAJAAN MALAYSIA**' beserta Nama dan Alamat Kontraktor, Jenama [sekiranya ada], No. Rujukan Kontrak dan Berat Bersih Minimum.
- 9.6.3 Kertas pembungkus mestilah diletakkan tarikh luput Kek serta mana-mana label yang diperlukan seperti dinyatakan di bawah Peraturan Makanan 1985.
- 9.7 Penghantaran
- Mini Pizza yang dibekalkan dan dihantar hendaklah pizza yang baru dan dibekalkan dalam tempoh 24 jam selepas dibakar.
- Mini Pizza hendaklah dibekalkan dan dihantar terus daripada kontraktor kepada Agensi Pengguna dalam keadaan yang baik dan tidak tercemar.

10. SPESIFIKASI UNTUK DONUT

10.1 Donut hendaklah mempunyai kandungan bahan-bahan yang dibenarkan mengikut Akta Makanan 1983 dan Peraturan Makanan 1985; bahan-bahan dinyatakan seperti di bawah:

- Tepung gandum [wheat flour complying with MS 8.5:1973];
- 'Baker's Yeast';
- Margarine;
- Gula;
- Garam;
- Susu Pekat;
- Telur;
- Tepung Susu;
- Serta bahan-bahan lain [yang dibenarkan di bawah Peraturan Makanan 1985]

10.2 Donut hendaklah dibekalkan di dalam berat bersih 54gm.

10.3 Donut hendaklah diterima berdasarkan berat dan bukan jumlah donut.

10.4 donut hendaklah disediakan, dibakar dan dibungkus mengikut kaedah dan peralatan yang sesuai, mematuhi Standard Malaysia MS1500:2004 dan Peraturan Kesihatan Am yang sedang berkuatkuasa.

10.5 Donut yang dibekalkan hendaklah donut yang bermutu dan segar.

10.6 Pembungkusan

10.6.1 Donut mestilah dibungkus dengan cara dan bahan yang bersesuaian untuk mengelakkan kek daripada rosak dan mengekalkan mutu kek.

10.6.2 Bungkus hendaklah tertera perkataan '**HAK KERAJAAN MALAYSIA**' beserta Nama dan Alamat Kontraktor, Jenama [sekiranya ada], No. Rujukan Kontrak dan Berat Bersih Minimum

10.6.3 Kertas pembungkus mestilah diletakkan tarikh luput Kek serta mana-mana label yang diperlukan seperti dinyatakan di bawah Peraturan Makanan 1985.

10.7 Penghantaran

Donut yang dibekalkan dan dihantar hendaklah donut yang baru dan dibekalkan dalam tempoh 24 jam selepas dibakar.

Donut hendaklah dibekalkan dan dihantar terus daripada kontraktor kepada Agensi Pengguna dalam keadaan yang baik dan tidak tercemar.